# UPM kongsi kefahaman pendekatan wasatiyyah dengan masyarakat

Oleh Syifarida Zaki

Foto oleh Marina Ismail




SERDANG, 27 Feb - Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan seminar Pendekatan Wasatiyyah: Aplikasi, Penerapan Serta Cabaran sebagai platform berkongsi kefahaman mengenai pendekatan wasatiyyah dan kesederhanaan menurut Islam kepada masyarakat.

Seminar yang dianjurkan bersama Pejabat Pendaftar UPM dan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Perdana Menteri itu diadakan selama dua hari di Panggung Percubaan, UPM.

Pendaftar UPM, Dato' Wan Azman Wan Omar berkata mereka yang dapat menghayati konsep Ihsan bermakna telah mendokong agenda Wasatiyyah.



"Konsep Ihsan yang telah diperkenalkan di UPM pada 2016 sehingga kini menjadi tema untuk dihayati oleh warga kampus.

"UPM memainkan peranan penting dalam mengetengahkan pendekatan Wasatiyyah ini menerusi wacana ilmu dan akademik yang mampu memberi impak positif kepada masyarakat," katanya.

LIHAT JUGA


Muslim Mother Teresa dampingi pelaj (/berita/muslim_mother_teresa_dampi f_upm-38337)


UPM kongsi kefahaman pendekatan v dengan masyarakat (/berita/upm_kongsi_kefahaman_pend yah_dengan_masyarakat-38271)


Pelajar UPM pelajari gunatanah dalan Bangkok (/berita/pelajar_upm_pelajari_gunatan nian_di_bangkok-38259)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1520480352

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdullah Md Zin ketika berucap merasmikan seminar itu berkata penghayatan Wasatiyyah memerlukan suatu proses dalam realiti kehidupan.

"Oleh itu, konsep Wasatiyyah memerlukan orang yang menyeru dan mengajak manusia kepada kebaikan supaya ia mendatangkan manfaat kepada orang ramai.

"Konsep Wasatiyyah perlu disemarakkan lagi dalam pelbagai bidang seperti pembangunan modal insan, pendidikan, politik, ekonomi, sosio budaya, sistem perbankan dan kewangan Islam, institusi wakaf, zakat dan lain-lain.

"Justeru, para pemikir dan para ahli akademik diperlukan untuk membuat kerja-kerja penyelidikan dan penulisan supaya dapat dijadikan bahan bacaan dan rujukan masyarakat," katanya

Seramai 350 peserta daripada universiti awam, warga UPM dan orang awam menghadiri seminar itu.

BM
Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan



Tan Sri Dr. Abdullah bin Md Zin turut menjadi pembentang sesi 1 bertajuk "Wasatiyyah sebagai Dasar Negara". Antara pembentang lain ialah pensyarah UPM, Dr. Mohd Sukki Othman, "Wasatiyyah dalam al-Quran dan al-sunnah"; Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, "Wasatiyyah dalam Mendepani Cabaran Eksterimisme" dan dua Panel Forum Wasatiyyah bertajuk "Pendekatan Wasatiyyah dalam Hubungan antara Kaum dan Agama di Malaysia" oleh pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong serta pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Prof. Dr. Zaid Ahmad.

Turut hadir ialah Pengarah, Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Dato' Mohd Yusof Din dan Pengarah Pusat Islam Universiti, UPM, Mat Razi Abdullah. - UPM

Kemaskini:: 05/03/2018 [syifarida]

**PERKONGSIAN MEDIA**

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my)
Multimedia Super Corridor (http://www.mscmalaysia.my)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.r
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n 8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/D
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.e
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/k
Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli
Takwim UPM 2018 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/ 2018.pdf)

B1520480352

BM

Bantuan (/footnote/bantuan-29937) Penafian (/footnote/penafian-29938)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)
Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

© 2018 Universiti Putra Malaysia

AACSB ACCREDITED

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

B1520480352